


www.dvs.gov.my

LEMBU DROUGHTMASTER



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LEMBU DROUGHTMASTER



www.dvs.gov.my

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Blok Podium, Wisma Tani, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya, Malaysia.

Tel: +603 88702000 Fax: +603 88888178
Email: pro@dvs.gov.my

www.dvs.gov.my

Pendahuluan

Dasar Pertanian Negara Ke-3 (DPN 3) telah menitik beratkan pengeluaran bahan makanan dari sumber tempatan dan ini termasuklah pengeluaran komoditi daging lembu. Selaras dengan DPN 3 ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah meneliti dan menilai semula peranan yang boleh dimainkan dalam bidang usaha ini.

Jabatan mendapati hasil pengamatan dan penelitian beberapa projek tertentu di lapangan, bidang usaha pengeluaran lembu boleh digerak dan diberikan penekanan semula iaitu sesuai dengan potensinya pada masa hadapan.

Walaupun lembu telah lama dipelihara oleh penternak di negara kita, perusahaan ini dikendalikan secara kecil-kecilan samada sebagai aktiviti sampingan, mengawal rumpai atau sebagai sumber protein haiwan bagi keperluan keluarga. Lembu dipelihara di negara ini untuk 2 tujuan iaitu daging dan susu.

Permintaan bagi daging lembu pada tahun 2010 diunjurkan sebanyak 162,000 tan metrik sedangkan pengeluaran hanyalah ditahap 47,000 tan metrik sahaja. Kadar saradiri bagi daging lembu pada 2010 diunjur berada pada tahap 28.7% sahaja. Ini menjanjikan ruang dan peluang yang besar kepada semua penternak dan bakal penternak untuk menceburi bidang ini.

ASAL

Baka ini berasal dari Queensland, Australia. Ianya adalah kacukan antara baka Shorthorn dengan baka Brahman.

LEMBU DROUGHTMASTER

CIRI-CIRI

- Mempunyai rangka badan yang besar.
- Mempunyai keupayaan menghasilkan daging yang berkualiti tinggi.
- Mempunyai bulu badan yang pendek dengan warna merah atau coklat kemerahan
- Mempunyai sifat yang agak jinak.
- Mempunyai kadar adaptasi yang baik dalam pelbagai keadaan cuaca yang berbeza.
- Mempunyai daya keibuan yang tinggi.
- Mempunyai reputasi tahap kesuburan yang baik.

BERAT LAHIR

Jantan	27 kg
Betina	24 kg

BERAT DEWASA

Jantan	500 - 700 kg
Betina	400 - 500 kg

UMUR MATANG

Jantan	18 - 24 bulan
Betina	18 - 24 bulan

NISBAH JANTAN : BETINA

1 Jantan : 20 Betina

TEMPOH BUNTING

260 hari - 280 hari



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

